

## **Etika Kerja Islam Dalam Pengurusan Insan**

**Nurhidayah Marzuki@Yahaya**

Pusat Kajian Pengurusan Pembangunan Islam (ISDEV)

Universiti Sains Malaysia, Pulau Pinang

Email: [dieya87@gmail.com](mailto:dieya87@gmail.com)

### **Abstrak**

Kertas kerja ini bertujuan membincangkan mengenai etika kerja Islam dalam pengurusan insan. Etika kerja Islam didefinisikan sebagai budaya kerja yang dilaksanakan berdasarkan prinsip-prinsip akhlak dan menepati kehendak syariat sesuai dengan tuntutan ajaran Islam. Etika kerja Islam dengan pengurusan sangat berkait rapat kerana etika kerja ini penting bagi mengawal tingkah laku ahli dalam sesebuah organisasi. Walau bagaimanapun, etika kerja ini dilihat masih gagal untuk diimplementasikan oleh setiap ahli dalam sesebuah institusi kerana masih wujud fenomena negatif dalam kalangan ahli institusi yang melanggar etika kerja. Ekoran daripada permasalahan ini, perlunya idea yang berkaitan etika kerja dengan harapan amalan negatif yang sering berlaku dalam kalangan ahli organisasi ini dapat diatasi. Berhubung perkara ini, timbul beberapa persoalan. Persoalannya, apakah yang dikatakan dengan insan yang beretika? Apakah pendekatan etika kerja yang perlu ditekankan untuk membentuk tingkah laku insan? Adakah etika kerja ini sesuai diguna pakai dalam menguruskan insan? Kertas kerja ini bertujuan menjawab persoalan-persoalan tersebut. Pendekatan teoretikal menerusi kaedah analisis kandungan digunakan untuk meneliti mengenai etika kerja Islam dan pengurusan insan. Akhir sekali, kertas kerja ini diharap dapat mempamerkan bahawa pelaksanaan etika kerja Islam di institusi adalah kaedah terbaik untuk menguruskan insan.

### **1. Pengenalan**

Etika kerja merupakan salah satu fungsi utama dalam aspek pengurusan (Hasan Ayyub, 1994). Menurut beliau lagi, etika kerja dengan pengurusan sangat berkait rapat kerana etika ini penting bagi mengawal tingkah laku ahli dalam sesebuah organisasi. Penetapan etika kerja seperti amanah, bertanggungjawab, peramah, bersabar dan lain-lain ini sememangnya sudah lama diperkenalkan dalam kalangan ahli institusi. Walau bagaimanapun, etika kerja ini dilihat masih gagal untuk diimplementasikan oleh setiap ahli dalam sesebuah institusi. Hal ini kerana, wujudnya fenomena negatif dalam organisasi yang semakin berleluasa pada masa kini seperti pecah amanah, gangguan seksual, pergaduhan, layanan yang tidak mesra pelanggan dan pelbagai perkara lain yang melanggar etika kerja.

Ekoran daripada permasalahan ini, perlunya idea yang berkaitan etika kerja dengan harapan amalan negatif yang sering berlaku dalam kalangan ahli organisasi ini dapat diatasi. Berhubung perkara ini, timbul beberapa persoalan. Persoalannya, apakah yang dikatakan dengan insan yang beretika? Apakah pendekatan etika kerja yang perlu ditekankan untuk membentuk tingkah laku insan? Adakah etika kerja ini sesuai diguna pakai dalam menguruskan insan? Untuk menjawab persoalan ini, perbincangan akan menfokuskan penelitian kepada elemen etika kerja Islam dalam pengurusan insan.

Secara keseluruhannya, perbincangan ini terbahagi kepada empat bahagian utama. Bahagian pertama membincangkan mengenai konsep etika kerja secara umum dan etika kerja dalam Islam. Bahagian kedua meneliti mengenai konsep insan. Bahagian ketiga memuatkan

perbincangan mengenai etika kerja Islam sebagai asas utama menguruskan insan. Akhir sekali ialah rumusan secara keseluruhan perbincangan ini.

## 2. Etika Kerja

Untuk bahagian ini, penulis akan membincangkan konsep etika kerja secara umum dan etika kerja dari perspektif Islam.

### 2.1 Etika Kerja Secara Umum

Istilah etika berasal dari perkataaan Yunani kuno iaitu “ethos” yang membawa maksud perwatakan, tingkah laku dan moral yang mempengaruhi kelakuan (Akademi Pengurusan YaPEIM, 2010). Etika juga didefinisikan sebagai suatu set nilai, norma serta asas moral yang menentu dan membezakan sesuatu tindakan manusia itu sama ada baik atau sebaliknya (Nor ‘Azzah Kamri, 2006). Menurut beliau lagi, etika kerja dapat berfungsi sebagai panduan tingkah laku di tempat kerja. Prinsip dan nilai yang terkandung di dalam etika kerja akan menjadi pegangan bagi setiap ahli organisasi.

### 2.2 Etika Kerja Islam

Etika kerja Islam digunakan secara meluas di dalam penulisan-penulisan semasa. Pendedahan kepada amalan etika kerja Islam mula mendapat perhatian dalam kalangan para pengkaji kerana wujudnya kesedaran bahawa pentingnya masyarakat untuk kembali kepada ajaran Islam dalam menguruskan organisasi pada masa kini yang dilihat semakin mencabar.

Perkataan etika mempunyai makna tersendiri dalam Islam. Secara lebih tepat, etika Islam merujuk kepada akhlak (Haron Din, 2000; Nor ‘Azzah Kamri, 2006). Akhlak merupakan satu entiti yang berada dalam diri seseorang untuk mendorong individu itu melakukan sesuatu perbuatan sama ada baik ataupun buruk. Etika kerja Islam ini bukan sahaja melihat kepada aspek luaran manusia semata-mata tetapi lebih kepada aspek dalaman iaitu jiwa manusia itu sendiri. Etika terbentuk melalui penyucian hati daripada perkara-perkara lain selain daripada mengingati Allah SWT. Dengan sentiasa mengingati Allah SWT, maka akan terbentuklah sikap yang benar-benar ikhlas dalam melaksanakan kerja yang telah diberikan (Sharifah Hayaati, 2010). Keikhlasan ini ada disebutkan oleh Allah SWT dalam surah al-Bayyinah (98:5)<sup>80</sup> dan surah al-Zumar (39:11)<sup>81</sup>.

Selain itu, Islam menyeru supaya setiap individu perlu bersungguh-sungguh dalam melaksanakan sesuatu pekerjaan kerana Allah SWT sentiasa melihat setiap pekerjaan yang dilakukan. Setiap pekerjaan yang baik itu dianggap sebagai ibadah dan diberikan ganjaran pahala seperti yang dijanjikan oleh Allah SWT dalam surah at-Taubah (9:105)<sup>82</sup>. Sekiranya setiap kerja yang dilakukan diniatkan sebagai amanah daripada Allah SWT dan sentiasa

<sup>80</sup> Terjemahan: “Pada hal mereka tidak diperintahkan melainkan supaya menyembah Allah SWT dengan mengikhlaskan ibadat kepada-Nya, lagi tetap teguh di atas tauhid; dan supaya mereka mendirikan sembahyang serta memberi zakat. Dan yang demikian itulah Agama yang benar”.

<sup>81</sup> Terjemahan: “Katakanlah lagi (wahai Muhammad): “Sesungguhnya aku diperintahkan supaya menyembah Allah SWT dengan mengikhlaskan segala ibadat kepada-Nya”.

<sup>82</sup> Terjemahan: “Dan katakanlah (Wahai Muhammad): beramallah kamu (akan segala yang diperintahkan), maka Allah dan RasulNya serta orang-orang yang beriman akan melihat apa yang kamu kerjakan; dan kamu akan dikembalikan kepada (Allah) yang mengetahui perkara-perkara yang ghaib dan yang nyata, kemudian ia menerangkan kepada kamu apa yang kamu telah kerjakan”.

berpandukan kepada al-Qur'an dan Hadith, maka akan bertambahnya keimanan seseorang itu terhadap Allah SWT.

Prinsip etika kerja Islam perlu bertunjangkan kepada keimanan terhadap Allah SWT. Dengan keimanan yang teguh terhadap Allah SWT, ia mampu menggerakkan sesebuah organisasi kearah kecemerlangan yang seimbang di dunia dan akhirat. Keimanan yang teguh bukan sahaja mampu meningkatkan prestasi dan produktiviti pengeluaran sesebuah organisasi, tetapi juga membentuk akhlak yang mulia dalam kalangan ahli institusi. Justeru, untuk meningkat kemajuan sesebuah organisasi, etika kerja Islam perlu diterapkan dalam kalangan pekerja (Muhammad Mustakim Mohamed Noh et. al, 2014).

Selain itu, etika Islam memiliki pandangan yang jauh ke depan dengan berteraskan dua ciri. Pertama, etika Islam tidak menentang fitrah manusia dan yang kedua, etika Islam amat rasionalistik (Zalika Adam dan Faridah Kassim, 2008). Hal ini kerana, Islam sebagai agama yang syumul sentiasa menganjurkan setiap umatnya mengamalkan cara hidup yang beretika mencakupi setiap aspek kehidupan (Mohamad Khadafi Hj Rofie et. al, 2014).

### 3. Konsep Insan

Insan adalah makhluk istimewa dan paling mulia kejadiannya. Kesempurnaan kejadian manusia telah dinyatakan oleh Allah SWT secara jelas di dalam surah al-Tin (95:4)<sup>83</sup>, surah al-Isra' (17:70)<sup>84</sup> dan surah al-An'am (6:165)<sup>85</sup>.

Insan yang bernama manusia tidak boleh melanggar fitrah kejadiannya dan sekiranya berlaku juga, ia telah menggugurkan keistimewaan fitrah kejadiannya (Mustapha Kamal Ahmad Kassim et al., 2010). Selain kesempurnaan fitrah kejadian, penciptaan manusia dengan bentuk fizikal yang indah oleh Allah SWT disempurnakan lagi dengan satu unsur yang abstrak iaitu unsur roh. Hal ini terdapat dalam surah al-Hijr (15:28-29)<sup>86</sup>. Keistimewaan kejadian manusia dari segi fizikal dan roh turut dilengkapkan dengan anugerah akal fikiran supaya mampu menguasai ilmu kerana ilmu itu adalah atas ketinggian martabat manusia (Mustapha Kamal Ahmad Kassim et. al, 2010). Untuk menjadi insan sempurna, ia memerlukan proses pendidikan yang berterusan. Insan yang unggul adalah insan yang mampu membangunkan diri dari aspek ilmu, memiliki keperibadian yang dipuji serta dapat memelihara hubungannya dengan Pencipta, hubungan sesama manusia dan hubungan manusia dengan makhluk lain.

---

<sup>83</sup> Terjemahan: "Sesungguhnya Kami telah menciptakan manusia dalam bentuk yang sebaik-baiknya (dan berkelengkapan sesuai dengan keadaannya)".

<sup>84</sup> Terjemahan: "Dan sesungguhnya Kami telah memuliakan anak-anak Adam; dan Kami telah beri mereka menggunakan berbagai-bagai kendaraan di darat dan di laut; dan Kami telah memberikan rezeki kepada mereka dari benda-benda yang baik-baik serta Kami telah lebihkan mereka dengan selebih-lebihnya atas banyak makhluk-makhluk yang telah Kami ciptakan".

<sup>85</sup> Terjemahan: "Dan Dia lah yang menjadikan kamu khalifah di bumi dan meninggikan setengah kamu atas setengahnya yang lain beberapa darjah, kerana Ia hendak menguji kamu pada apa yang telah dikurniakan-Nya kepada kamu. Sesungguhnya Tuhanmu amatlah cepat azab seksa-Nya, dan sesungguhnya Ia Maha Pengampun, lagi Maha Mengasihani.

<sup>86</sup> Terjemahan: "Dan(ingatkanlah peristiwa) ketika tuhanmu berfirman kepada malaikat: "Sesungguhnya Aku hendak menciptakan manusia dari tanah liat yang kering, Yang berasal dari tanah kental yang berubah warna dan baunya. "Kemudian apabila aku sempurnakan kejadiannya, serta aku tiupkan padanya roh dari (ciptaan) Ku, maka hendaklah kamu sujud kepadaNya".

Sebagai seorang insan, pentingnya ilmu itu kerana ia mampu mengawal dan mempamerkan akal budi seorang insan. Insan yang memahami hakikat ilmu akan mampu membezakan secara nyata kebenaran mengenai sesuatu perkara agar ia tidak terkeluar dari landasan dan ketetapan Allah SWT. Oleh kerana itu, wahyu pertama iaitu surah al-'Alaq (96:1-5)<sup>87</sup> dengan jelas mewajibkan umat manusia untuk mencari ilmu. Walau bagaimanapun, seorang insan itu tidak akan dilihat berjaya sekiranya aspek akhlak tidak dibangunkan dalam diri (Mohd Fauzi Hamat dan Mohd Khairul Naim Che Nordin, 2012).

Aspek akhlak ini membabitkan sumber dalaman yang ada pada diri manusia itu sendiri yang akan menentukan setiap perkara yang hendak dilakukan. Sumber dalaman yang dimaksudkan adalah hati, dan ini dijelaskan dalam Riwayat Imam al-Bukhari (hadith no. 1599)<sup>88</sup>. Pembangunan akhlak ini penting dalam membangunkan insan dan ia terkesan melalui penzahiran tingkah laku seseorang yang sentiasa ingin melakukan kebaikan (Syed Othman alHabshi dan Hamiza Ibrahim, 1998). Dengan membangunnya akhlak seorang insan itu, ia berperanan mengawal dan memelihara seorang insan dalam membentuk keseimbangan pembangunan dunia dan akhirat. Oleh sebab itu, etika ini merupakan asas utama untuk menguruskan insan kerana etika ini merupakan akhlak bagi seorang insan.

#### 4. Etika Kerja Islam Asas Utama Menguruskan Insan

Etika kerja dilihat penting untuk menguruskan insan. Hal ini kerana, insan merupakan sumber utama yang diamanahkan untuk menguruskan sebarang bentuk pengorganisasian dalam institusi. Oleh itu, sebagai seorang hamba dan khalifah Allah SWT, seorang insan itu perlulah mempamerkan etika kerja yang berlandaskan kepada prinsip-prinsip Islam. Untuk memastikan bahawa etika kerja yang hendak dipelajari, difahami dan diamalkan ini berlandaskan al-Qur'an dan Hadith., seorang insan itu perlu menyemai dalam diri empat akhlak utama yang ada pada diri Rasulullah SAW. Empat akhlak tersebut ialah *siddiq*, amanah, *tabligh* dan *fathonah*.

*Siddiq* ertinya benar. Benar merupakan suatu sifat mulia yang menghiasi akhlak Rasulullah SAW dan seseorang yang beriman kepada Allah SWT. Pada diri Rasulullah SAW, bukan hanya perkataannya yang benar, malah setiap perbuatan Baginda juga benar.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

*"Segala yang diperkatakannya itu (sama ada al-Qur'an atau Hadith) tidak lain hanyalah wahyu yang diwahyukan kepadanya."*

(Surah an-Najm, 53: 4)

Berdasarkan firman Allah SWT, adalah mustahil bagi diri Rasulullah SAW itu bersifat pembohong, penipu dan sebagainya kerana setiap yang disampaikan oleh Baginda kepada umat adalah wahyu dari Allah SWT (Sidek Baba, 2012). Sebagai seorang insan yang beretika, *siddiq* ini diperlihatkan dalam bentuk kesungguhan dan ketepatan dalam melaksanakan sesuatu

<sup>87</sup> Terjemahan: "Bacalah (wahai Muhammad) dengan nama Tuhanmu yang menciptakan (sekalian makhluk), Ia menciptakan manusia dari sebuku darah beku; Bacalah, dan Tuhanmu Yang Maha Pemurah, Yang mengajar manusia melalui pena dan tulisan,Ia mengajarkan manusia apa yang tidak diketahuinya".

<sup>88</sup> Sabda Rasulullah s.a.w yang bermaksud:"Sesungguhnya dalam satu jasad terdapat seketul daging, Jika daging tersebut baik maka baiklah seluruh jasad tersebut, dan jika rosak daging tersebut maka rosaklah seluruh jasad tersebut. Ianya ialah hati (qalb)".

pekerjaan. Contohnya, ketepatan waktu bekerja, tidak berbohong, mengakui kelemahan diri sendiri dan sebagainya. Sekiranya sifat *siddiq* ini sudah tertanam dalam diri seorang insan, maka perwatakan yang dizahirkan tersebut selari dengan nilai-nilai Islam.

Selain *siddiq*, amanah juga merupakan sifat yang perlu ditanamkan dalam diri seorang insan. Amanah membawa maksud dipercayai, jujur dan kepercayaan yang diletakkan atas tanggungjawab seseorang. Amanah merupakan elemen penting untuk membentuk etika diri seorang insan yang bergelar pekerja (Sharifah Hayaati, 2010). Seorang pekerja yang amanah akan berprinsip bahawa setiap jabatan yang diamanahkan dan setiap tugas yang diberikan kepadanya akan dipertanggungjawabkan tidak hanya kepada pihak atasan tetapi yang lebih utama kepada Allah SWT di akhirat kelak. Beberapa firman Allah SWT berikut menjelaskan mengenai amanah seorang insan selaku hamba Allah SWT dan khalifah di muka bumi ini.

Firman Allah SWT yang bermaksud:

*“Sesungguhnya Allah menyuruh kamu supaya menyerahkan segala jenis amanah kepada ahlinya (yang berhak menerimanya), dan apabila kamu menjalankan hukum di antara manusia, (Allah SWT menyuruh) kamu menghukum dengan adil. Sesungguhnya Allah dengan (suruhan-Nya) itu memberi pengajaran yang sebaik-baiknya kepada kamu. Sesungguhnya Allah SWT sentiasa Mendengar, lagi sentiasa Melihat”.*

(Surah an-Nisaa', 4:58)

Firman-Nya lagi yang bermaksud:

*“Wahai orang-orang yang beriman! Janganlah kamu mengkhianati (amanah) Allah SWT dan Rasul-Nya, dan (janganlah) kamu mengkhianati amanah-amanah kamu, sedang kamu mengetahui (salahnya)”.*

(Surah al-Anfaal, 8:27)

Firman-Nya lagi yang membawa maksud:

*“Dan mereka (orang-orang mukmin yang bahagia) yang menjaga amanah dan janjinya”.*

(Surah al-Mu'minun, 23:8)

Berdasarkan firman-firman Allah SWT ini, penekanan terhadap sifat amanah ini sangat penting bagi seorang Muslim. Sebagai hamba, insan perlu melakukan tanggungjawab dengan sebaik-baiknya terhadap Allah SWT berdasarkan ketakwaan yang tinggi manakala sebagai khalifah pula, insan memiliki tanggungjawab penyempurnaan amanah supaya diri, organisasi dan sistem terurus dengan baik dan berhikmah (Hasan al-Banna et al., 2011). Dengan memiliki sifat amanah ini juga, seorang insan itu dapat menzahirkan dorongan untuk melakukan sesuatu kerja dengan sebaik mungkin.

Seterusnya, sifat utama yang ada pada diri Rasulullah SAW dan perlu dicontohi ialah sifat *tabligh* yang membawa maksud menyampaikan. Menyampaikan ini selalunya dikaitan dengan kepimpinan. Menjadi tanggungjawab pemimpin untuk memberikan contoh yang baik kepada ahli lain serta sentiasa melaksanakan konsep amar ma'ruf nahi mungkar dalam institusi

(Lokman Ab. Rahman, 1997). Ayat al-Qur'an berkenaan konsep ini terdapat dalam surah ali-'Imraan ayat 104 dan 110.

Firman Allah SWT yang membawa maksud:

*"Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala kebaikan dan melarang segala keburukan, mereka adalah orang-orang yang beruntung".*

(Surah ali-'Imraan, 3:104)

Firman-Nya lagi yang bermaksud:

*"Kamu (wahai umat Muhammad) adalah sebaik-baik umat yang dilahirkan bagi (faedah) umat manusia, (kerana) kamu menyuruh berbuat segala perkara yang baik dan melarang daripada segala perkara yang salah (buruk dan keji), serta kamu pula beriman kepada Allah (dengan sebenar-benar iman). Dan kalaularah Ahli Kitab (Yahudi dan Nasrani) itu beriman (sebagaimana yang semestinya), tentulah (iman) itu menjadi baik bagi mereka. (Tetapi) di antara mereka ada yang beriman dan kebanyakannya mereka: orang-orang yang fasik".*

(Surah ali-'Imraan, 3:110)

Berdasarkan ayat ini, matlamat hidup bagi umat Islam ialah bekerja dengan segala kebaikan untuk kejayaan hidup di dunia dan mematuhi segala suruhan Allah SWT untuk memperoleh keredhaan Allah SWT di akhirat kelak. Nilai ini dipatuhi apabila setiap insan mengamalkan konsep amar ma'ruf nahi mungkar. Dengan adanya kesedaran sedemikian, amanah dalam melakukan setiap kerja yang dipertanggungjawabkan akan dilakukan dengan niat yang ikhlas kerana Allah SWT dan disempurnakan sebaik mungkin.

Menurut Sharifah Hayaati (2010), individu menjadi lebih berdisiplin dan menghindari sebarang bentuk penyelewengan, penyalahgunaan kuasa dan sebagainya kerana menyedari setiap perbuatan yang dilakukan akan diperhatikan oleh Allah SWT. Oleh sebab itu, nilai-nilai manusia tidak akan menjanjikan etika sekiranya tidak mematuhi nilai-nilai Allah SWT. Bagi pemimpin, etika bermatlamat untuk dijadikan sebagai piawaian kepada pelaksanaan tugas, penyempurnaan tanggungjawab dan pembuat keputusan dalam organisasi. (Auni Abdullah, 2007). Nilai-nilai dalam etika kerja Islam menjelaskan sesuatu perkara itu sama ada ia bertepatan dengan ajaran Islam atau sebaliknya. Setiap individu yang bekerja dalam organisasi akan benar-benar memahami bahawa perlakuan baik seseorang itu ialah amanah kepada Allah SWT yang memberi akal, nyawa dan tenaga untuk bekerja. (Siddiq Fadzil, 2011).

Sifat seterusnya ialah bijaksana. Kebijaksanaan ini mempunyai pengaruh yang besar sekali dalam kehidupan seorang insan. Hidup seorang insan itu akan menjadi baik sekiranya bertindak dengan bijaksana manakala sebaliknya jika tidak bertindak dengan bijaksana. Seorang insan yang beretika itu akan memiliki kreativiti yang tinggi dan mampu membawa inovasi kepada institusi (Mohd Janib Johar, 2001). Menurut beliau lagi, kreativiti dan inovasi tersebut merupakan satu aset yang dimiliki oleh seorang insan manakala kebijaksanaannya adalah melalui usaha yang berterusan untuk menambah pengetahuan dalam pelbagai bidang. Oleh sebab itu, seorang insan memerlukan ilmu yang tinggi untuk menjadi bijaksana. Allah SWT telah menjelaskan mengenai kepentingan ilmu seperti didalam surah az-Zumar dan surah al-

Baqarah supaya seorang insan dapat berfikir sebelum bertindak terhadap sesuatu perkara yang hendak dilaksanakan.

Firman Allah S.W.T yang bermaksud:

*“Katakanlah: Adakah sama orang yang berilmu dengan orang yang tidak berilmu? ”.*

(Surah Az-Zumar, 39:9)

Firman-Nya lagi yang membawa maksud:

*“Allah SWT memberikan hikmah (ilmu pengetahuan) kepada sesiapa yang dikehendakiNya dan orang-orang yang diberikan ilmu pengetahuan bererti ia telah diberikan kebaikan yang banyak”.*

(Surah al-Baqarah, 2:269)

Selain ayat al-Qur'an, terdapat Hadith yang menjelaskan tentang kepentingan ilmu ini.

Rasulullah SAW bersabda:

*“Menuntut ilmu adalah fardu bagi tiap-tiap Muslim, baik laki-laki maupun perempuan.”*

(Hadith Riwayat Ibn Majah, no.224)

Berdasarkan kepada ayat al-Qur'an dan Hadith ini, Allah SWT telah menjelaskan mengenai kepentingan ilmu. Pembangunan ilmu dalam Islam bukan sahaja mampu membangunkan minda dan intelektual seorang insan, tetapi juga membangunkan amal dan tindakan. Seseorang itu tidak dapat dikatakan berilmu jika tidak menerbitkan kesan ilmu itu pada dirinya melalui tindakan (Fauzi Che Hamat dan Mohd Khairul Naim Che Nordin, 2012). Ilmu yang diamalkan pula mampu menerbitkan akhlak dan budi pekerti yang baik kerana pembangunan ilmu dalam Islam menjadi wasilah kepada kebaikan dan ketakwaan. Oleh sebab itu, ilmu yang dipelajari mampu membangunkan akhlak seterusnya melahirkan insan yang beretika.

Kesimpulannya, sekiranya keempat-empat sifat utama yang ada pada Rasulullah SAW ini dijadikan panduan oleh setiap insan, maka etika kerja Islam ini sudah mula diamalkan. Etika ini bukan sahaja dapat melahirkan insan-insan yang berkualiti, berakhlek dan mempunyai jati diri Islam kepada dirinya sahaja tetapi juga dapat memberi faedah kepada organisasi dan manfaat kepada ummah sangat (Auni Abdullah, 2010). Isu berkenaan penyelewangan, rasuah dan sebagainya akan dapat diatasi sekiranya sifat-sifat mulia ini ada pada diri setiap insan. Dengan adanya nilai baik pada diri, ia mempamerkan bahawa seorang insan itu memahami bahawa Allah SWT sentiasa melihat, menilai dan memberi ganjaran atas sesuatu yang baik (Sharifah Hayaati, 2010). Secara tidak langsung, hubungan individu dengan Allah SWT serta hubungan sesama manusia juga akan terpelihara.

## 5. Rumusan

Berdasarkan keseluruhan perbincangan, dapatlah dirumuskan bahawa elemen etika kerja Islam ini perlu diperkenalkan dari segi konsep, penghayatan dan amalan secara menyeluruh kepada setiap insan. Etika kerja Islam perlu menekankan aspek pembangunan manusia itu sendiri iaitu meliputi aspek rohani dan jasmani. Kedua-dua unsur ini perlu dibangunkan secara bersepada dalam diri setiap insan. Kesan kesalingan dalam perhubungan kedua-dua ini akan menyebabkan seorang insan itu mengikat dirinya dengan ajaran agama lebih daripada peraturan yang dicipta sendiri.

## Rujukan

- Ab. Aziz Yusof dan Ahmad Basher Aziz (2008). *Pengurusan Perniagaan Islam: Konsep, Isu dan Pelaksanaan*. Sintok: Penerbit Universiti Utara Malaysia.
- Akademi Pengurusan YaPEIM (2011). *Pengurusan Islami: Menghayati Prinsip dan Nilai Qurani*. Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YaPEIM Sdn. Bhd.
- Auni Abdullah (2007). *Pengurusan Islam: Potensi dan Cabaran*. Kuala Lumpur: Darulfikir Sdn. Bhd.
- Auni Abdullah (2010). *Teras Utama Sistem Pengurusan Islam*. Kuala Lumpur: Alam Raya Enterprise Sdn. Bhd.
- Haron Din (2000). *Manusia dan Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Hasan Al-Banna, M., Ab. Mumin, A. G., & Siti Arni, B. (2011). “Pemantapan Sistem Pengurusan Islam Berkualiti Melalui Konsep Tawhidi, Budaya Itqaan Dan Nilai Ihsan”. Prosiding World Congress On Islamic Systems 2011 (World-ISLAM 2011). Anjuran: Ikatan Ilmuan Nasional Malaysia Di Hotel Holiday Villa & Suites, Subang, Selangor. Pada 28-30 November.
- Hasan Al-Banna, M., Ab. Mumin, A. G., & Siti Arni, B. (2013). “Sistem Pengurusan Islam Yang Berkualiti Mampu Menjamin Kepuasan Pekerja: Suatu Realiti Dan Cabaran Masa Hadapan”dlm. *Gjat*, Vol 3(1).
- Hasan Ayyub (1994). *Etika Islam: Menuju kehidupan hakiki*. Bandung: Trigenda Karya.
- Lokman Ab. Rahman (1997). *Pengurusan Islam: Etika, Komunikasi dan Motivasi*. Bukit Palah: Jabatan Agama Islam Melaka.
- Mohd Fauzi Hamat & Mohd Khairul Che Nordin (2012). *Akidah dan Pembangunan Modal Insan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.
- Mohd Janib Johari (2001). *Etika Professional*. Skudai: Universiti Teknologi Malaysia Press.
- Mohamad Khadafi Hj Rofie, Zainal Md Zan, Mohd Hilmi Hamzah & Nur Qurratul' Aini Ismail (2014). “Perlaksanaan Etika Kerja Islam Dalam Kalangan Wartawan Islam Media Arus Perdana Dan Alternatif: Melihat Dari Sudut Pemahaman Dan Kepuasan Kerja. Prosiding “The Social Sciences Research”. Kota Kinabalu,Sabah. 9-10 Jun 2014.

Muhammad Mustakim Mohamed Noh, Siti Arni Basir & Wan Norhasniah Wan Husin (2014). “Strategi dan Faktor Mempengaruhi Perlaksanaan Etika Kerja Islam (EKI): Kajian Kes di Jcorp” dlm. *GJAT*, Vol. 4, Issue 1( June 2014), hal. 97-112.

Mustapha Kamal Ahmad Kassim, Zahiah Haris @ Harith & Abdullah Yusof (2010). “Pembangunan Modal Insan dan Tamadun Islam dari Perspektif Pendidikan Guru”. Prosiding “*The 4th International Conference on Teacher Education*”. Bandung, Indonesia, 8-10 November 2010.

Nor ‘Azzah Kamri (2006). “*Pengurusan Sumber Manusia Menurut Perspektif Islam: Falsafah dan Etika Pelaksanaan*” dalam Ab. Mumin Ab. Ghani dan Fadillah Mansor, *Dimensi Pengurusan Islam: Mengurus Kerja dan Mengurus Modal Insan*. Kuala Lumpur: Penerbit Universiti Malaya.

Nor ‘Azzah Kamri (2007). *Pelaksanaan Kod Etika Berteraskan Islam Di Institusi Pembangunan Berteraskan Islam: Kajian Kes Di Lembaga Tabung Haji*. Tesis Ijazah Doktor Falsafah yang diserahkan kepada Pusat Pengajian Sains Kemasyarakatan, Universiti Sains Malaysia. Tidak diterbitkan.

Sharifah Hayaati (2010). *Etika Penjawat Awam dari Perspektif Islam*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka Sdn. Bhd.

Siddiq Fadzil (2011). *Proses Pengurusan: Penerapan Nilai-Nilai Islam* dalam Akademi Pengurusan YPEIM (2011). *Pengurusan Islami: Siri 1* Kuala Lumpur: Akademi Pengurusan YPEIM Sdn. Bhd.

Sidek Baba (2012). *Pendidikan Rabbani: Mengenal Allah Melalui Ilmu Dunia*. Shah Alam: Karya Bestari Sdn. Bhd.

Syed Othman Alhabshi dan Hamiza Ibrahim (1998). *Pengurusan Dan Pentadbiran Mencapai Kecemerlangan Melalui Penghayatan Nilai*. Kuala Lumpur: Institut Kefahaman Islam Malaysia (IKIM).